




BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MOH/PAK/499.22(GU)-e

**GARIS PANDUAN
TATACARA
PENDAFTARAN
PESAKIT RAWATAN
HARIAN
KE DALAM
SISTEM MAKLUMAT
RAWATAN
PELANGGAN
BAGI HOSPITAL
TANPA IT**


KOMPLEKS
PAKAR &
RAWATAN
HARIAN

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Kata Pengantar

**TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
(PERUBATAN)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH) merupakan salah satu perkhidmatan hospital yang kini semakin giat dijalankan seiring dengan kemajuan teknologi perubatan dan kelengkapan fasiliti-fasiliti yang bersesuaian.

Objektif utama PRH adalah untuk mengurangkan jumlah kemasukan pesakit ke wad dan secara tidak langsung boleh mengurangkan beban pesakit dalam, dimana prosedur-prosedur pembedahan dan bukan pembedahan pesakit dalam (*inpatient*) kini dilakukan secara rawatan harian. Selain itu, PRH juga telah terbukti mampu mengurangkan waktu menunggu pesakit bagi pembedahan elektif. Justeru itu, fokus perlu diberikan bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan ini agar perkhidmatan ini dapat dilakukan dengan lebih efektif, efisien dan sistematik.

Penghasilan garis panduan tatacara pendaftaran pesakit rawatan harian ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) ini adalah merupakan salah satu langkah yang diambil bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif. Selain itu ianya juga dapat mengelakkan pertindihan nombor pendaftaran pesakit disamping memudahkan pegawai bertugas bagi mendaftar pesakit secara lebih teratur. Dengan penghasilan garis panduan ini diharap proses pendaftaran pesakit lebih lancar dan efisien serta data prosedur rawatan harian yang lebih tepat dapat diperolehi.

Terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A. Khalib'.

Dato' Dr Asmayani Binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

ISI KANDUNGAN

1.0 Pengenalan.....	1
2.0 Penyeragaman Pendaftaran Pesakit Rawatan Harian.....	1
3.0 Tatacara kemasukan <i>Registration Number</i> (RN)	2
4.0 Senarai kod disiplin.....	8
5.0 Senarai kod lokasi pendaftaran.....	12

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH) merupakan perkhidmatan klinikal berdasarkan prosedur klinikal dan disempurnakan dalam tempoh kurang daripada 24 jam serta tidak memerlukan pesakit bermalam di hospital. Konsep ini mula diperkenalkan di Malaysia sejak 1987 dan sehingga kini perkhidmatan ini telah dilaksanakan di 135 buah hospital dan institusi KKM (9 *dedicated Ambulatory Care Centre* dan 126 *non-dedicated* fasiliti).

Objektif utama PRH adalah untuk mengurangkan beban pesakit dalam (*inpatient*) dimana pesakit menjalani pembedahan elektif atau prosedur perubatan dan discaj pada hari yang sama. Untuk mencapai objektif ini, keperluan untuk menyediakan polisi dan fasiliti PRH yang sesuai merupakan antara agenda utama KKM. Selain itu, penyediaan garis panduan bagi proses pendaftaran pesakit PRH juga penting bagi memastikan proses ini lebih efisien, jitu dan mesra pengguna.

KKM telah memperkenalkan Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) sebagai sistem utama untuk mengumpul maklumat kemasukan dan kedatangan pesakit termasuk pesakit PRH, bagi menyediakan maklumat berorientasikan pengurusan yang tepat kepada pengurus-pengurus di pelbagai peringkat pentadbiran.

2.0 PENYERAGAMAN PENDAFTARAN PESAKIT RAWATAN HARIAN


Garis panduan tatacara pendaftaran pesakit rawatan harian ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) ini dihasilkan bagi kegunaan hospital-hospital tanpa IT bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran. Tanpa penyeragaman ini, pendaftaran pesakit-pesakit PRH di kaunter pendaftaran yang berbeza boleh menyebabkan dua atau lebih pesakit berlainan mendapat RN yang sama. Hal ini akan menyebabkan kekeliruan pencarian data pesakit di dalam SMRP dan aplikasi *Malaysian DRG*. Ketidakterseragaman pengisian juga akan meningkatkan kesilapan pengisian data dan maklumat lain yang berkaitan.

Penyeragaman pendaftaran pesakit rawatan harian ini dilakukan dengan meletakkan kod disiplin dan kod lokasi bersama dengan RN dan maklumat ini perlu diisi ke dalam SMRP. Senarai disiplin dan lokasi yang standard untuk semua hospital adalah seperti di lampiran.


Bagi mewujudkan RN pula, digalakkan agar setiap disiplin yang menyediakan perkhidmatan rawatan harian untuk membuat penetapan nombor RN dari hari pertama sehingga hari terakhir dalam setiap bulan. Dan nombor RN ini diulang sehingga akhir tahun.

3.0 TATACARA PENDAFTARAN PESAKIT RAWATAN HARIAN (RH) KE DALAM SISTEM MAKLUMAT PERAWATAN PELANGGAN (SMRP)


1. Buka laman web *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) di <https://myhdw.moh.gov.my>
2. Klik butang **Sign-In**




3. Log masuk ke dalam sistem menggunakan nama pengguna dan kata kunci serta *authentication* yang telah didaftarkan untuk akses ke sistem.




4. Klik tab **SMRP** untuk masuk ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP)



5. Klik butang **Search**. Lakukan carian maklumat pesakit samaada menggunakan No Kad Pengenalan (*search by ID*), *Medical Record Number (MRN)* atau *Registration Number (RN)* untuk pastikan samaada maklumat demografi pesakit telah wujud di dalam SMRP.




6. Bagi pesakit yang tidak pernah menerima rawatan di hospital, sila klik butang **+Add New Patient** untuk proses pendaftaran pesakit baru.




- 7a. Isikan nombor pengenalan diri pesakit dan klik butang **Verify myIDENTITY** untuk semakan dan pengesahan maklumat pengenalan diri melalui pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).


- 7b. Jika nombor pengenalan diri pesakit wujud di pangkalan data JPN, maklumat demografi pesakit akan di muat turun dari sistem **myIDENTITY**. Isi maklumat seterusnya yang mandatori (bertanda *) dan klik butang **Submit**.



8. Jika maklumat pesakit telah wujud di dalam SMRP, klik nama pesakit untuk isi maklumat kedatangan pesakit ke hospital termasuk maklumat pendaftaran rawatan.



9. Klik butang **Add Daycare** untuk mengisi maklumat kedatangan ke perkhidmatan rawatan harian pesakit.



10. Isi maklumat RN di medan *free text* yang disediakan dengan memasukkan kod disiplin dan kod lokasi bagi menunjukkan pesakit mendapat rawatan dari disiplin tertentu. Rujuk lampiran untuk semak kod lokasi tersebut.

The screenshot shows the SMRP interface with the following details:

- Page Title:** RH101 - Buku Daftar Rawatan Harian Bagi Hospital / Institusi
- Admission Information Table:**

Admission Date / Time	Discipline	Specialty	Sub-specialty
15/02/2020 02:45 PM	-Please Select-	-Please Select-	-Please Select-
- Registration Information:**
 - RN*: HTAA19022020RH (highlighted with a red box containing '20KPB0025')
 - MRN: [Empty field]
 - Cluster ID: [Empty field]
 - Police Case: Yes No
- Referral Information:**
 - Source of Referral: Internal External
 - Referred By: -Please Select-

Callout Box: Sila isi: Kod Disiplin Kod Lokasi Pendaftaran dan RN (sila rujuk lampiran bagi kod lokasi pendaftaran) *Had minimum RN dalam SMRP adalah 4 aksara.

11. Isi juga maklumat-maklumat...

12. Contoh senario:

- I. Pesakit SBH dari Jabatan Pembedahan telah dijadualkan bagi pembedahan *removal of right breast lump* di *Ambulatory Care Centre (ACC)*. Pada hari yang dijadualkan pesakit membuat pendaftaran di kaunter pendaftaran bersepadu ACC, pesakit merupakan pelanggan/pesakit yang ke-25 pada hari berkenaan. Ruang *free text* yang perlu diisi mengikut format **Kod DisiplinKod Lokasi kaunter PendaftaranRN(4 aksara)** adalah: **20KPB0025**

Keterangan senario I:

20 = Disiplin Pembedahan Am

KPB = Kod Lokasi Pendaftaran RN

0025 = RN Yang Diwujudkan Di Peringkat Jabatan

- II. Pesakit FAR dari *Clinical Oncology* telah dijadualkan untuk menerima kemoterapi di Pusat Rawatan Harian. Pesakit mendaftar di Bilik Daftar Masuk dan pesakit merupakan pesakit ke-235 pada hari berkenaan. Ruangan *free text* yang perlu diisi mengikut format Kod DisiplinKod Lokasi kaunter PendaftaranRN(4 aksara) adalah: **97BDM0235**

Keterangan senario II :

97 = Disiplin *Clinical Oncology*

BDM = Kod Lokasi Pendaftaran RN

0235 = RN Yang Diwujudkan Di Peringkat Jabatan

13. Klik butang **Submit** setelah semua maklumat siap diisi

4.0 Senarai kod disiplin

SMRP 2.0

kod Kepakaran	Kepakaran	kod SubKepakaran	SubKepakaran
00	No Information	00	No Information
01	Medicine	02	General Medicine
		03	Cardiology
		04	Clinical Haematology
		05	Dermatology
		06	Endocrinology
		07	Gastroenterology
		08	Geriatric
		09	Hepatology
		10	Infectious Disease
		11	Advanced Internal Medicine
		12	Medical Oncology
		13	Nephrology
		14	Neurology
		15	Palliative Care
		16	Respiratory Medicine
		17	Rheumatology
		18	Surgery
20	Breast & Endocrine Surgery		
21	Burns & Trauma Surgery		
22	Cardiothoracic Surgery		
23	Colorectal Surgery		
24	Surgical Oncology		
25	Hepatopancreaticobiliary (HPB) Surgery		
26	Neurosurgery		
27	Paediatric Surgery		
28	Plastic & Reconstructive Surgery		
29	Thoracic Surgery		
30	Upper Gastrointestinal Surgery		
31	Urology		
32	Vascular Surgery		

33	Obstetrics & Gynaecology	34	General Obstetrics & Gynaecology
		143	Obstetrics
		144	Gynaecology
		35	Gynae-oncology
		36	Maternal Fetal Medicine
		37	Reproductive Medicine
		38	Urogynaecology
39	Paediatrics	40	General Paediatrics
		41	Adolescent Medicine
		42	Developmental Paeds
		43	Clinical Genetics
		44	Neonatology
		45	Paediatric Cardiology
		46	Paediatric Palliative Medicine
		47	Paediatric Dermatology
		48	Paediatric Emergency Medicine
		49	Paediatric Endocrine
		50	Paediatric Gastroenterology
		51	Paediatric Haemato-oncology
		52	Paediatric Infectious Diseases
		53	Paediatric Intensive Care
		54	Paediatric Rheumatology
		55	Paediatrics Nephrology
		56	Paediatrics Neurology
		57	Paediatrics Respiratory Medicine
		156	Paediatric Rehabilitation Medicine
		157	General Paediatrics & Child Health
58	Orthopaedics	59	General Orthopaedics
		60	Joint Arthroplasty
		61	Arthroscopy & Sports Surgery
		62	Advanced Musculoskeletal Trauma
		63	Foot & Ankle Surgery
		64	Oncology Orthopaedic
		65	Paediatric Orthopaedic
		66	Spine Surgery
		67	Upper Limb, Hand & Microsurgery
68	Ophthalmology	69	General Ophthalmology
		70	Cornea
		71	Neuro Ophthalmology

		72	Glaucoma
		73	Medical Retinal
		74	Oculoplastic Surgery
		75	Paediatric Ophthalmology
		76	Vitreoretinal
		158	Comprehensive Ophthalmology
77	Otorhinolaryngology	78	General Otorhinolaryngology
		79	Head & Neck Surgery
		80	Otology/Skull Based Surgery
		81	Paediatric ORL
		82	Rhinology
83	Psychiatry	84	General Psychiatry
		85	Child & Adolescent Psychiatry
		86	Addiction & Substance Abuse
		87	Community & Rehab Psychiatry
		88	Forensic Psychiatry
		89	Liaison Psychiatry
		90	Neuropsychiatry
		91	Psychogeriatrics
92	Rehabilitation Medicine	93	General Rehabilitation Medicine
94	Nuclear Medicine	95	General Nuclear Medicine
96	Radiotherapy/Clinical Oncology	97	General Radiotherapy/Clinical Oncology
175	Special Care Dentistry	176	General Special Care Dentistry
177	Forensic Odontology	178	General Forensic Odontology
179	Oral Pathology & Oral Medicine	180	General Oral Pathology & Oral Medicine
181	Oral Maxillofacial Surgery	182	General Oral Maxillofacial Surgery
183	Paediatric Dentistry	184	General Paediatric Dentistry
185	Orthodontics	186	General Orthodontics

187	Dental Public Health	188	General Dental Public Health
189	Periodontology	190	General Periodontology
191	Restorative Dentistry	192	General Restorative Dentistry
193	Endodontics	194	General Endodontics
195	Oral Maxillofacial Imaging	196	General Oral Maxillofacial Imaging
197	Prosthodontics	198	General Prosthodontics
104	Emergency Medicine	105	General Emergency Medicine
		163	Clinical Toxicology
		164	Emergency Critical Care
		165	Emergency Trauma Care
		166	Pre-Hospital Care & Disaster
167	Paediatric Emergency Medicine		
106	Sports Medicine	107	General Sports Medicine
108	Anaesthesiology	109	General Anaesthesiology
		110	Obstetric Anaesthesia
		111	Paediatric Anaesthesia
		112	Adult Intensive Care
		113	Cardiac Anaesthesia
		114	Neuroanaesthesia & Trauma
		115	Pain Management
		168	Regional Anaesthesia
116	Pathology	169	General Pathology
		117	Anatomical Pathology (Histopathology)
		118	Chemical Pathology
		119	Haematology
		120	Medical Microbiology
121	Transfusion Medicine	122	General Transfusion Medicine
123	Radiology	124	General Radiology
		170	Oncology Imaging
		171	Head & Neck Radiology
		172	Thoracic Imaging
		173	Emergency Radiology
		125	Interventional Radiology
		126	Paediatric Radiology
		127	Breast & Endocrine
		128	Cardiac Radiology
		129	Gastro Hepatobiliary
		130	Uroradiology
131	Musculoskeletal Radiology		

		132	Women's Imaging
		133	Forensic Radiology
		134	Neuroradiology
135	Forensic Medicine	136	General Forensic Medicine
		174	Paediatric Forensic Medicine
		137	Clinical Forensic Medicine
		138	Forensic Anthropology
		139	Forensic Pathology
		140	Forensic Toxicology
		141	Multidiscipline
145	Family Medicine	146	General Family Medicine
147	Public Health	148	Public Health Medicine
		149	Communicable Disease
		150	Non-communicable Disease
		151	Family Health
		152	Health Management
		153	Occupational Health
		154	Environmental Health

5.0 Kod Lokasi Pendaftaran

LOKASI KAUNTER PENDAFTARAN	PREFIX
BILIK DAFTAR MASUK /UNIT HASIL	BDM
KAUNTER PENDAFTARAN BERSEPADU	KPB
KAUNTER KECEMASAN	KED
KAUNTER JABATAN PESAKIT LUAR	KPL
KAUNTER KLINIK PAKAR	KKP
KAUNTER RAWATAN HARIAN	KRH
WAD 1	WD1
WAD 2	WD2
WAD 3	WD 3
HEMODIALISIS 1	HD1
HEMODIALISIS 2	HD2
HEMODIALISIS 3	HD3
ENDOSOPIC	SCP
DEWAN BERSALIN	KDB
DEWAN BEDAH	KOT
PAC	PAC
LAIN-LAIN	ECT

JAWATANKUASA GARISPANDUAN

1. Dr Hirman bin Ismail
Timbalan Pengarah
Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan

2. Dr Davis Johnraj
Ketua Unit
Unit Perkhidmatan Pembedahan dan Kecemasan
Bahagian Perkembangan Perubatan

3. Dr Mohd Ridzwan bin Shahari
Ketua Unit
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital
Bahagian Perkembangan Perubatan

4. Dr Faris 'Abdul Rahman bin Ismail
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan Pembedahan Dan Kecemasan
Bahagian Perkembangan Perubatan

5. Dr Syazni Binti Badrol Hisham
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan Pembedahan Dan Kecemasan
Bahagian Perkembangan Perubatan

6. Dr Fawzi Zaidan bin Ali
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital
Bahagian Perkembangan Perubatan

7. Dr Nur Atfina binti Sabri
Ketua Penolong Pengarah
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital
Bahagian Perkembangan Perubatan

8. Pn Inai Dulliyah binti Abdullah
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital
Bahagian Perkembangan Perubatan